



**LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA**

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) adalah sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia yang bertanggungjawab memajukan pergerakan Pertubuhan Peladang di seluruh negara mempelawa warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan serta berkelayakan dan bermotivasi tinggi untuk mengisi jawatan-jawatan berikut:

'JAWATAN KOSONG'

PEMBANTU AKAUNTAN

- | | | | | |
|----|-----|---------------------------|---|---|
| 1. | (A) | Jawatan/Skim Perkhidmatan | : | Pembantu Akauntan |
| | (B) | Gred Jawatan | : | W17 |
| | (C) | Klasifikasi Perkhidmatan | : | Kewangan |
| | (D) | Kumpulan Perkhidmatan | : | Pelaksana |
| | (E) | Taraf Jawatan | : | Tetap |
| | (F) | Jadual Gaji | : | Minimum – RM 929.00
Maksimum – RM 3,377.00 |

Bidang Tugas

Menguruskan perakaunan dan pengurusan kewangan Pertubuhan Peladang (PP) atau melaksanakan kerja pengauditan atau melaksanakan tugas-tugas kewangan Lembaga Pertubuhan Peladang. Perlaksanaan tugas tertakluk kepada penempatan.

Syarat-syarat Lantikan

1. Calon lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
 - (a) warganegara Malaysia.
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta kepujian dalam subjek Matematik pada peringkat peperiksaan tersebut; atau
(Gaji permulaan ialah pada Gred W17: RM 929.00); atau
(ii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W17: RM 986.00); atau

(iii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Perdagangan Malaysia Peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

(Gaji permulaan ialah pada Gred W17: RM 1,155.00); atau

(iv) Sijil dalam bidang pengurusan perniagaan atau penyimpan kira-kira yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W17: RM 1,380.00);

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

PEMBANTU LAUT

2.	(A)	Jawatan/ Skim Perkhidmatan	:	Pembantu Laut
	(B)	Gred Jawatan	:	A17
	(C)	Klasifikasi Perkhidmatan	:	Pengangkutan
	(D)	Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana
	(E)	Taraf Jawatan	:	Tetap
	(F)	Jadual Gaji	:	Minimum – RM 938.00 Maksimum – RM 3,406.00

Bidang Tugas

Menguruskan pengendalian operasi bot, melaksanakan urusan dokumentasi, senggaraan, urusan rekod, urusan lesen serta aspek keselamatan bot di Pertubuhan Peladang (PP) atau Lembaga Pertubuhan Peladang. Perlaksanaan tugas tertakluk kepada penempatan.

Syarat-syarat Lantikan

1. Calon lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
 - (a) warganegara Malaysia.
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c)
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan pada peringkat peperiksaan tersebut; atau
(Gaji permulaan ialah pada Gred A17: RM 938.00); atau
 - (ii) Sijil Kompetensi atau Perakuan Kekompetenan dalam bidang Mate on Ships of Less than 500 GT on Domestic Trade Voyages atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan
(Gaji permulaan ialah pada Gred A17: RM 1,054.00); atau
 - (iii) Sijil Kompetensi atau Perakuan Kekompetenan dalam bidang Engineer Officer of Less Than 750kW on Domestic and Near Coastal Voyages atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan
(Gaji permulaan ialah pada Gred A17: RM 1,054.00); atau
 - (iv) Sijil Kompetensi Perakuan Kekompetenan dalam bidang Master on Ships of Less than 500 GT on Domestic Trade Voyages atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan
(Gaji permulaan ialah pada Gred A17: RM 1,112.00); atau
 - (v) Sijil Kompetensi atau Perakuan Kekompetenan dalam bidang Officer in Charge of Navigational Watch Less Than 500 GT Near Coastal Trade Voyages atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan
(Gaji permulaan ialah pada Gred A17: RM 1,345.00);
 - dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia dan sijil Pengangkutan Laut atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan

PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)

- | | | | | |
|----|-----|---------------------------|---|---|
| 3. | (A) | Jawatan/Skim Perkhidmatan | : | Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) |
| | (B) | Gred Jawatan | : | N17 |
| | (C) | Klasifikasi Perkhidmatan | : | Pentadbiran Dan Sokongan |
| | (D) | Kumpulan Perkhidmatan | : | Pelaksana |
| | (E) | Taraf Jawatan | : | Tetap |
| | (F) | Jadual Gaji | : | Minimum – RM 928.00
Maksimum – RM 3,375.00 |

Bidang Tugas

Bertanggungjawab melaksanakan tugas – tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk tetapi tidak terhad kepada,tugas – tugas pentadbiran am,pengurusan personal ,perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat ,pengendalian peralatan perhubungan /komunikasi). Perlaksanaan tugas tertakluk kepada penempatan.

Syarat-syarat Lantikan

1. Calon lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
 - (a) warganegara Malaysia.
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan ;

(Gaji permulaan ialah pada Gred N17: RM 928.00);

(Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan mengendalikan Komputer dan/atau mengambil trengkas)
- dan (d) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan

PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT

- | | | | | |
|----|-----|---------------------------|---|---|
| 4. | (A) | Jawatan/Skim Perkhidmatan | : | Pembantu Setiausaha Pejabat |
| | (B) | Gred Jawatan | : | N17 |
| | (C) | Klasifikasi Perkhidmatan | : | Pentadbiran Dan Sokongan |
| | (D) | Kumpulan Perkhidmatan | : | Pelaksana |
| | (E) | Taraf Jawatan | : | Tetap |
| | (F) | Jadual Gaji | : | Minimum – RM 928.00
Maksimum – RM 3,375.00 |

Bidang Tugas

Bertanggungjawab untuk memastikan urusan harian di pejabat pegawai Kumpulan Pengurusan tertinggi/pegawai Kumpulan Pengurusan dan Professional (yang memenuhi kelayakan) berjalan lancar dan memberi perkhidmatan Setiausaha seperti menaip, menyediakan surat – menyurat, laporan dan pengurusan fail. Disamping itu, memastikan semua keperluan rasmi pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (yang memenuhi kelayakan) dikendalikan secara cekap dan berkualiti tinggi serta mengawal selia jadual kerja supaya teratur. Pelaksanaan tugas tertakluk kepada penempatan.

Syarat-syarat Lantikan

1. Calon lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
 - (a) warganegara Malaysia.
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan lulus ujian masuk mengambil trengkas atau nota ringkas (note taking) dengan kederasan 20.p.s.m daripada rencana dan menaip salinan trengkas sederhana 15 p.s.m dengan kesalahan tidak melebihi 4% ;

(Gaji permulaan ialah pada Gred N17: RM 984.00);

(Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan mengendalikan Komputer)
- dan (d) Keujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan

PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN GRED N17

- | | | | | |
|----|-----|---------------------------|---|---|
| 5. | (A) | Jawatan/Skim Perkhidmatan | : | Pegawai Khidmat Pelanggan |
| | (B) | Gred Jawatan | : | N17 |
| | (C) | Klasifikasi Perkhidmatan | : | Pentadbiran Dan Sokongan |
| | (D) | Kumpulan Perkhidmatan | : | Pelaksana |
| | (E) | Taraf Jawatan | : | Tetap |
| | (F) | Jadual Gaji | : | Minimum – RM 928.00
Maksimum – RM 3,375.00 |

Bidang Tugas

Bertanggungjawab mengendalikan dengan cekap dan berkualiti semua panggilan telefon ,melayan dan membantu pelanggan/tetamu yang berurusan dengan jabatan secara tertib dan mesra,memberi penerangan perkhidmatan yang disediakan oleh agensi,membantu ,merekod dan memantau aduan perkhidmatan sehingga kes selesai serta memaklumkan kepada pelanggan dari semasa ke semasa perkembangan di atas aduan pelanggan/tetamu. Perlaksanaan tugas tertakluk kepada penempatan.

Syarat-syarat Lantikan

1. Calon lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
 - (a) warganegara Malaysia.
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan ;

(Gaji permulaan ialah pada Gred N17: RM 928.00);

(Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan dalam Bahasa Inggeris dan mengendalikan komputer).
- dan (d) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

TEMPOH PERCUBAAN

Semua lantikan ke jawatan seperti di atas dikehendaki melalui tempoh percubaan antara 1 hingga 3 tahun dan boleh disahkan dalam perkhidmatan setelah lulus peperiksaan dan syarat-syarat lain yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan jawatan berkenaan.

CARA MEMOHON:

- (a) Permohonan hendaklah dibuat melalui laman web Jobs Malaysia (Kementerian Sumber Manusia) di <http://www.jobsMalaysia.gov.my>
- (b) Semua permohonan **tidak perlu dicetak/dipos** ke Lembaga Pertubuhan Peladang.
- (c) Setiap pemohon hanya boleh memohon **satu (1)** jawatan sahaja.

TARIKH IKLAN : 14 JULAI 2014 (ISNIN)

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 28 JULAI 2014 (ISNIN)